



KENANGAN ... Taufiq Yap merakamkan gambar bersama wakil-wakil agensi dan sekolah yang menerima sumbangan pensanitasi tangan.

UMS sumbang pensanitasi tangan kepada lapan agensi dan 21 sekolah di Sabah

NST 27.6.2020 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyumbangkan bekalan pensanitasi tangan kepada lapan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) serta 21 buah sekolah di Sabah.

Penyerahan pensanitasi tangan tersebut diadakan dalam satu majlis ringkas yang berlangsung di Anjung Siswa, Bangunan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Menurut kenyataan dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS, acara penyerahan tersebut adalah kali kedua kepada agensi kerajaan dan NGO selepas kali pertama diadakan pada 5 Jun lalu.

"UMS melalui FSSA yang diketuai oleh Prof. Dr. How Siew Eng bersama kumpulan penyelidik dari sektor sains telah menghasilkan sejumlah 1173 liter pensanitasi tangan, dengan sebahagiannya telah diisi ke dalam 6700 unit botol kecil dan diagihkan secara percuma.

Kandungan pensanitasi tangan yang dihasilkan juga

adalah mengikuti garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), demikian menurut kenyataan tersebut.

Pengeluaran pensanitasi tangan itu adalah di bawah inisiatif "Function of Science", satu inisiatif program "Global Innovation through Science and Technology (GIST)" oleh "United States Department of State", Amerika Syarikat yang mendapat tajaan bahan mentah daripada badan-badan korporat.

Menurut Pengarah GIST di Malaysia, Murali Prasad Y. Vandayar, antara badan korporat yang memberi tajaan adalah Lendlease, Yayasan MRCB, Tessolve Semiconductor, WVRC, Mayplas Packaging, Apical Scientific, MITR Mediservice, Acme Chemicals, Elite Advanced Materials dan penderma perseorangan.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk meringankan beban golongan B40 dan barisan hadapan yang terpaksa berdepan dengan harga pensanitasi tangan yang mahal semasa pandemik COVID-19, serta memastikan keperluan pensanitasi tangan ketika bertugas dapat dipenuhi kerana keti-

adaan sumber sabun dan air yang berhampiran untuk membersihkan tangan.

Sementara itu, Datuk Dr. Taufiq Yap amat berbesar hati untuk menyumbang tenaga kerja sukarela dan fasiliti untuk menghasilkan pensanitasi tangan secara percuma kepada yang memerlukannya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua perderma dan tenaga kerja UMS yang telah bertungkus lumus menghasilkan pensanitasi tangan tersebut di makmal.


Dalam pada itu, FSSA UMS juga telah menandatangani "Letter of Intent (LoI)" dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pada 18 Jun lalu bagi kerjasama dalam projek Kitar Semula Botol Pensanitasi Tangan Terpakai.

LoI tersebut ditandatangani oleh Mayor DBKK, Datuk Hj Nordin Siman dan Dekan FSSA Prof. Dr Baba Musta.

Projek tersebut bertujuan menggunakan pakai semula botol terpakai untuk mengisi lebih banyak unit botol pensanitasi tangan supaya dapat diagihkan

kepada lebih ramai orang terutamanya golongan B40.

Justeru, orang ramai adalah amat dialu-alukan untuk menyumbang botol pensanitasi tangan terpakai ke pusat pengumpulan terpilih iaitu di pintu masuk utama UMS, Dewan Masyarakat Kota Kinabalu, Dewan Serbaguna Damai, Bangunan DBKK dan Tingkat 7, Centre Point (Pejabat DBKK).



SAMAPIKAN ... Taufiq Yap (kanan) menyampaikan sumbangan pensanitasi tangan kepada salah seorang wakil agensi.